

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 12 HINGGA NO. 50)**

25 OCT 2016

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 25.10.2016

SOALAN :

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berdasarkan peningkatan berterusan dalam perdagangan antara China dan negara kita, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengukuhkan kajian Bahasa Cina terutamanya terhadap pelajar bukan Cina.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mata pelajaran Bahasa Cina telah ditawarkan di sekolah kebangsaan(SK) sebagai Kelas Bahasa Ibunda sejak kemerdekaan dan terbuka kepada murid semua kaum mulai tahun 1996. Mulai tahun 2007, mata pelajaran ini dikenali sebagai Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK). Murid daripada mana-mana kaum berpeluang mempelajari Bahasa Cina jika berminat. dan diajar tiga (3) waktu seminggu di sekolah kebangsaan. Melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah pada tahun 2011, BCSK ditawarkan sebagai bahasa elektif (90 minit seminggu) dan terbuka kepada semua murid SK.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 melalui Anjakan ke-2 menyatakan bahawa aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah untuk memastikan setiap murid berpeluang mempelajari bahasa tambahan dari peringkat rendah sehingga peringkat menengah menjelang 2025. Sehubungan dengan itu, KPM sedang merancang pendekatan terbaik yang boleh memberi impak optimum terhadap keberhasilan murid bagi tempoh jangka masa panjang. Keberhasilan inisiatif tersebut adalah untuk menghasilkan murid yang boleh menguasai bahasa Cina serta mempunyai kemahiran untuk bertutur, membaca dan menulis.

RJM16

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI
HABIBOLLAH [LIMBANG]-BN**

TARIKH : 25 OKTOBER 2016

SOALAN : 13

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan dapatkah Kementerian membina sebuah Kolej MARA di Parlimen Limbang sebagai pemangkin untuk melahirkan modal insan dari kawasan utara Sarawak.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, Institusi Pendidikan MARA (IPMa) yang sedang beroperasi di negeri Sarawak terbahagi kepada dua peringkat iaitu peringkat Pendidikan Menengah dan peringkat Pendidikan Tertiari. Bagi Peringkat Pendidikan Menengah, MARA telah menubuhkan sebanyak 3 buah MRSM di seluruh negeri Sarawak yang berkapasiti seramai 1,864 orang pelajar. Manakala bagi peringkat pendidikan tertiar, program yang ditawarkan adalah berasaskan latihan kemahiran teknikal (TVET) yang dikendalikan oleh 31 GIATMARA dan 2 Institut Kemahiran MARA (IKM) iaitu IKM Kuching dan IKM Bintulu yang beroperasi di seluruh negeri Sarawak. Program ini mampu menghasilkan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi menyokong keperluan tenaga kerja di kawasan setempat dan membangunkan modal insan di kawasan utara Sarawak. Bagi memperluaskan kebolehcapaian dan peluang untuk masyarakat Sarawak terutamanya golongan remaja, MARA mengambil perhatian di atas cadangan penubuhan Kolej MARA di Limbang, Sarawak dan akan membuat cadangan dan permohonan peruntukan dalam pembentangan Belanja Pembangunan RMK11- RP3 pada tahun 2017.